



# NOTA PANDUAN HAK PEKERJA

Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan  
Kementerian Sumber Manusia



Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan  
Kementerian Sumber Manusia

# NOTA PANDUAN HAK PEKERJA



**Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan,  
Kementerian Sumber Manusia**



## NOTA PANDUAN HAK PEKERJA DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994

### ISI KANDUNGAN

1.0	TUJUAN	2
2.0	TERMA DAN TAKRIF	2
3.0	KEPERLUAN UNDANG-UNDANG	5
4.0	HAK PEKERJA	11
5.0	TANGGUNGJAWAB PEKERJA	13
6.0	MAJIKAN PERLU MEMBERITAHU ANDA	13
7.0	TANGGUNGJAWAB MAJIKAN	14
8.0	SEKIRANYA ADA SITUASI BERBAHAYA DI TEMPAT KERJA	15
9.0	MAJIKAN ANDA HENDAKLAH MENYEDIAKAN DOKUMEN BERKAITAN TUGASAN	15
10.0	APA YANG PATUT DILAKUKAN JIKA ANDA BIMBANG TENTANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN ANDA	16
11.0	RUJUKAN	17

**(Nota:** Nota panduan ini HANYA untuk memberikan gambaran keseluruhan am tentang hak pekerja di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) [Akta 514] dan membantu pekerja dan majikan mengetahui hak mereka untuk menyediakan tempat kerja yang selamat kepada semua orang. Nota panduan ini tidak terikat dari segi undang-undang dengan AKKP 1994 atau perundangan lain.)

## 1.0 TUJUAN

Tujuan nota panduan ini adalah untuk memberikan gambaran am bagi hak pekerja dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah AKKP 1994. Nota panduan ini tidak mengubah atau menentukan tanggungjawab pematuhan yang ditetapkan dalam AKKP 1994. Tanggungjawab ini dinyatakan di bawah AKKP 1994 bagi majikan untuk menyediakan tempat kerja selamat kepada pekerja mereka dan orang lain yang berkaitan.

## 2.0 TERMA DAN TAKRIF

Jika anda seorang pekerja (sepenuh atau separuh masa, sementara atau tetap), maklumat ini menjelaskan tentang apa hak pekerja, apa yang seharusnya pekerja jangka daripada majikan, apa tanggungjawab pekerja dan di mana hendak mendapatkan bantuan. Ia juga terpakai kepada pekerja jika anda orang muda yang sedang mencari pengalaman kerja (latihan industri), seorang perantis, pekerja bergerak (penghantaran) atau pekerja rumah.

Jika anda pekerja sementara, atau pekerja yang dibekalkan oleh agensi; perniagaan/agensi pekerjaan, tekong pekerjaan, kontraktor atau pengupah yang mengambil anda bekerja mempunyai kewajiban undang-undang untuk memastikan pekerja menerima hak yang dinyatakan dalam nota panduan ini.

"boleh dipraktikkan" ertinya boleh dipraktikkan dengan mengambil kira:

- (a) teruknya bahaya atau risiko yang terlibat;
- (b) keadaan pengetahuan mengenai bahaya atau risiko itu dan apa-apa cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu;
- (c) ada tidaknya dan kesesuaian cara untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko; dan
- (d) kos untuk menghapuskan atau mengurangkan bahaya atau risiko itu;

"loji" termasuklah apa-apa jentera, kelengkapan, perkakas, alat atau peralatan, apa-apa komponennya dan apa-apa jua yang dipasangkan, disambungkan atau diperlengkapkan padanya;

"majikan" ertinya majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya;

"majikan langsung", berhubung dengan pekerja yang diambil khidmat oleh atau melaluinya, ertinya seseorang yang telah mengakukan untuk melaksanakan, di tempat kerja di mana majikan utama menjalankan perdagangan, perniagaan, profesion, vokasion, pekerjaan atau pencariannya di bawah pengawasan majikan utama atau ejennya, kesemua atau mana-mana bahagian apa-apa kerja yang biasanya menjadi sebahagian daripada kerja perdagangan, perniagaan, profesion, vokasion, pekerjaan atau pencarian majikan utama itu atau yang menjadi permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam atau bersampingan dengan maksud mana-mana perdagangan, perniagaan, profesion, vokasion, pekerjaan atau pencarian itu dan termasuklah seseorang yang olehnya perkhidmatan seseorang pekerja yang telah membuat kontrak perkhidmatan dengannya dipinjamkan atau disewakan untuk sementara kepada majikan utama;

"pekerja" ertinya seseorang yang diambil kerja dengan diberi gaji di bawah kontrak perkhidmatan mengenai atau yang berkaitan dengan kerja suatu industri yang baginya Akta ini terpakai dan –

- (a) yang diambil kerja secara langsung oleh majikan utama mengenai apa-apa kerja industri itu, atau yang bersampingan dengan atau sebagai permulaan bagi atau yang berkaitan dengan kerja industri itu, sama ada kerja itu dilakukan oleh pekerja itu di tempat kerja atau di tempat lain;
- (b) yang diambil kerja oleh atau melalui seseorang majikan langsung di tempat kerja industri itu atau di bawah pengawasan majikan utama atau ejennya mengenai kerja yang biasanya menjadi sebahagian daripada kerja industri itu, atau yang menjadi permulaan bagi kerja yang dijalankan dalam atau bersampingan dengan maksud industri itu; atau
- (c) yang perkhidmatannya dipinjamkan atau disewakan sementara kepada majikan utama oleh orang yang dengannya orang yang perkhidmatannya dipinjamkan atau disewakan itu telah memasuki suatu kontrak perkhidmatan;

"majikan utama" ertinya pemunya suatu industri atau orang yang dengannya seseorang pekerja telah membuat kontrak perkhidmatan dan termasuklah:

- (a) pengurus, ejen atau orang yang bertanggungjawab bagi pembayaran gaji atau upah kepada seseorang pekerja;

- (b) penghuni sesuatu tempat kerja;
- (c) wakil di sisi undang-undang pemunya atau penghuni yang telah meninggal dunia; dan
- (d) mana-mana kerajaan di Malaysia, jabatan mana-mana kerajaan itu, pihak berkuasa tempatan atau badan berkanun;

"orang yang bekerja sendiri" ertinya seseorang individu yang bekerja untuk keuntungan atau ganjaran selain daripada di bawah kontrak pekerjaan, sama ada atau tidak dia sendiri mengambil kerja orang lain;

"penghuni", berhubung dengan tempat kerja, ertinya seseorang yang menguruskan atau mengawal tempat kerja;

"premis" termasuklah:

- (a) mana-mana tanah, bangunan atau bahagian mana-mana bangunan;
- (b) mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara;
- (c) apa-apa pemasangan di atas tanah, pemasangan luar pesisir atau pemasangan lain sama ada di atas dasar atau yang terapung di atas mana-mana air; dan
- (d) mana-mana khemah atau struktur boleh alih;

"tempat kerja" ertinya premis tempat orang bekerja atau premis yang digunakan bagi penyimpanan loji atau bahan.

Bagi maksud Nota Panduan ini, risiko yang berbangkit daripada aktiviti orang yang sedang bekerja hendaklah dikira sebagai termasuk risiko yang berkaitan dengan cara suatu pengusahaan dijalankan, loji atau bahan yang digunakan bagi maksud sesuatu pengusahaan dan keadaan premis yang digunakan sedemikian atau mana-mana bahagiannya.

Bagi maksud Nota Panduan ini –

- (a) "kerja" ertinya kerja sebagai seorang pekerja atau sebagai orang yang bekerja sendiri;
- (b) seseorang pekerja disifatkan sedang bekerja sepanjang masa dia berada di tempat kerjanya tetapi tidak selainnya; dan
- (c) orang yang bekerja sendiri adalah sedang bekerja sepanjang masa yang ditumpukannya kepada kerja sebagai seorang yang bekerja sendiri.

### 3.0 KEPERLUAN UNDANG-UNDANG

#### Seksyen 15. Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka.

(1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja bagi semua pekerjanya.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), perkara yang diliputi oleh kewajipan itu termasuklah terutamanya –

- (a) pengadaan dan penyenggaraan loji dan sistem kerja yang, setakat yang praktik, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- (b) pembuatan perkiraan bagi menjamin, setakat yang praktik, keselamatan dan ketiadaan risiko kepada kesihatan berkaitan dengan penggunaan atau pengendalian, penanganan, penyimpanan dan pengangkutan loji dan bahan;
- (c) pengadaan maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan dan kesihatan pekerjanya yang sedang bekerja;
- (d) setakat yang praktik, berkenaan dengan mana-mana tempat kerja di bawah kawalan majikan atau orang yang bekerja sendiri, penyenggaraannya dalam keadaan yang selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan dan pengadaan dan penyenggaraan cara masuk ke dalamnya dan keluar darinya yang selamat dan tanpa risiko sedemikian; dan
- (e) pengadaan dan penyenggaraan persekitaran pekerjaan bagi pekerja-pekerjanya yang, setakat yang praktik, selamat, tanpa risiko kepada kesihatan, dan memadai berkenaan dengan kemudahan bagi kebajikan mereka yang sedang bekerja.

(3) Bagi maksud subseksyen (1) dan (2):

- (a) "pekerja" termasuklah seseorang kontraktor bebas yang diguna khidmat oleh seseorang majikan atau orang yang bekerja sendiri dan mana-mana pekerja kontraktor bebas itu; dan

- (b) kewajipan seseorang majikan atau orang yang bekerja sendiri di bawah subseksyen (1) dan (2) meliputi seseorang kontraktor bebas dan pekerja kontraktor bebas itu berhubungan dengan perkara-perkara yang baginya majikan atau orang yang bekerja sendiri itu:
- (i) mempunyai kawalan; atau
  - (ii) akan mempunyai kawalan jika tidak kerana apa-apa perjanjian antara majikan atau orang yang bekerja sendiri itu dengan kontraktor bebas itu yang sebaliknya.

#### **Seksyen 16. Kewajipan untuk membentuk dasar keselamatan dan kesihatan**

Kecuali dalam apa-apa hal yang ditetapkan, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk menyediakan dan seberapa kerap yang sesuai mengkaji semula pernyataan bertulis dasar amnya berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja-pekerjanya semasa bekerja dan organisasi dan perkiraan yang sedang berkuatkuasa bagi menjalankan dasar itu, dan membawa pernyataan dan apa-apa kajian semulanya kepada perhatian kesemua pekerjaanya.

#### **Seksyen 17. Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada orang-orang selain daripada pekerja mereka**

(1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk menjalankan pengusahaannya dengan cara memastikan, setakat yang praktik, bahawa dia dan orang-orang lain, yang bukan pekerjaanya, yang mungkin tersentuh oleh pengusahaan itu tidak terdedah kepada risiko kepada keselamatan atau kesihatan mereka oleh sebab pengusahaan itu.

(2) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri, dalam hal keadaan yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan, untuk memberi orang-orang, yang bukan pekerjaanya yang mungkin tersentuh dengan cara dia menjalankan pengusahaannya, maklumat yang ditetapkan tentang apa-apa aspek cara dia menjalankan pengusahaannya yang boleh menyentuh keselamatan atau kesihatan mereka.

### **Seksyen 18. Kewajipan seseorang penghuni tempat kerja kepada orang selain daripada pekerjaanya**

(1) Seseorang penghuni premis bukan domestik yang telah disediakan untuk orang-orang, yang bukan pekerjaanya, sebagai suatu tempat kerja, atau sebagai suatu tempat mereka boleh menggunakan loji atau bahan yang diadakan bagi kegunaan mereka di sana, hendaklah mengambil apa-apa langkah yang praktik untuk memastikan bahawa premis itu, semua cara masuk ke dalamnya dan keluar darinya yang ada bagi kegunaan orang-orang yang menggunakan premis itu, dan apa-apa loji atau bahan dalam premis itu atau yang diadakan bagi kegunaan di sana, adalah selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan.

(2) Seseorang yang mempunyai, oleh sebab suatu kontrak atau pajakan atau selainnya, suatu obligasi sehingga apa-apa takat berhubungan dengan —

- (a) penyenggaraan atau pembaikan tempat kerja atau apa-apa cara masuk ke dalamnya atau keluar darinya; atau
- (b) pencegahan risiko kepada keselamatan dan kesihatan yang mungkin timbul daripada penggunaan mana-mana loji atau bahan dalam tempat kerja itu,

hendaklah bagi maksud subseksyen (1) disifatkan mempunyai kawalan ke atas perkara yang diliputi oleh obligasinya.

### **Seksyen 24. Kewajipan am pekerja yang sedang bekerja**

(1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pekerja yang sedang bekerja —

- (a) untuk memberikan perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan dirinya dan orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja;
- (b) untuk bekerjasama dengan majikannya atau mana-mana orang lain dalam menunaikan apa-apa kewajipan atau kehendak yang dikenakan ke atas majikan atau orang lain itu melalui Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (c) untuk memakai atau menggunakan pada sepanjang masa apa-apa kelengkapan atau pakaian perlindungan yang diadakan oleh majikan bagi maksud mencegah apa-apa risiko kepada keselamatan dan kesihatannya; dan

- (d) untuk mematuhi apa-apa arahan atau langkah tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang diperkenalkan oleh majikannya atau mana-mana orang lain melalui atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Seksyen 25. Kewajipan untuk tidak mengganggu atau menyalahgunakan benda yang diadakan menurut peruntukan tertentu**

Seseorang yang dengan sengaja, melulu atau cuai mengganggu atau menyalahgunakan apa-apa jua yang diadakan atau dilakukan untuk kepentingan keselamatan, kesihatan dan kebajikan menurut Akta ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

**Seksyen 26. Kewajipan untuk tidak mengenakan caj ke atas pekerja bagi benda yang dilakukan atau diadakan**

Tiada majikan boleh melevi atau membenarkan untuk dilevi ke atas mana-mana pekerjaanya apa-apa caj berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau diadakan menurut Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

**Seksyen 27. Diskriminasi terhadap pekerja, dan sebagainya**

- (1) Tiada majikan boleh memecat seseorang pekerja, mencederakannya dalam pekerjaannya atau mengubah kedudukannya sehingga memudaratkannya semata-mata oleh sebab pekerja itu –
- (a) membuat suatu aduan mengenai perkara yang dianggapnya tidak selamat atau suatu risiko kepada kesihatan;
  - (b) adalah anggota jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang ditubuhkan menurut Akta ini; atau
  - (c) menjalankan mana-mana fungsinya sebagai anggota jawatankuasa keselamatan dan kesihatan itu.

(2) Tiada kesatuan sekerja boleh mengambil apa-apa tindakan ke atas mana-mana anggotanya yang, sebagai seorang pekerja di sesuatu tempat kerja:

- (a) membuat suatu aduan mengenai perkara yang dianggapnya tidak selamat atau suatu risiko kepada kesihatan;
- (b) adalah anggota jawatankuasa keselamatan dan kesihatan yang ditubuhkan menurut Akta ini; atau
- (c) menjalankan mana-mana fungsinya sebagai anggota jawatankuasa keselamatan dan kesihatan itu.

(3) Seseorang majikan atau kesatuan sekerja yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(4) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada penalti yang dikenakan ke atas pesalah, membuat salah satu atau kedua-dua perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah supaya pesalah itu membayar dalam tempoh tertentu kepada orang yang telah didiskriminasikan oleh pesalah itu apa-apa ganti rugi yang difikirkannya sesuai sebagai pampasan bagi orang itu;
- (b) suatu perintah supaya pekerja itu dikembalikan atau diambil bekerja semula pada jawatannya yang dahulu atau, jika jawatan itu tidak ada, pada jawatan yang serupa.

### **Seksyen 30. Penubuhan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja**

(1) Tiap-tiap majikan hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengikut seksyen ini jika -

- (a) terdapat empat puluh orang atau lebih diambil kerja di tempat kerja; atau
- (b) Ketua Pengarah mengarahkan penubuhan jawatankuasa sedemikian di tempat kerja.

## **4.0 HAK PEKERJA**

4.1 **Hak untuk Tahu** tentang bahaya di tempat kerja, dan langkah berjaga-jaga yang mesti diambil untuk mencegah kecederaan atau penyakit daripada aktiviti pekerjaan tersebut.

- Untuk mendapat maklumat dan latihan tentang bahaya, risalah helaian data keselamatan bahan (MSDS), label dan kaedah untuk mencegah bahaya, dan standard piawaian KKP yang terpakai di tempat kerja mereka. Latihan tersebut mestilah dijalankan dalam bahasa dan perbendaharaan kata yang dapat difahami oleh pekerja;
- Untuk menyemak rekod kecederaan dan penyakit yang berlaku di tempat kerja mereka;
- Untuk mengetahui tahap hazard di tempat kerja;
- Untuk mendapatkan rekod perubatan mereka;
- Untuk dirujuk berhubung dengan hal ehwal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan anda di tempat kerja;
- Untuk memaklumkan majikan tentang isu atau keperihatan berkaitan keselamatan dan kesihatan.

4.2 **Hak untuk Mengambil Bahagian** dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, termasuk penglibatan dalam jawatankuasa keselamatan dan kesihatan tempat kerja atau sebagai wakil pekerja.

- Untuk menganggotai jawatankuasa keselamatan dan kesihatan.
- Untuk mendapat cuti bergaji kerana menghadiri latihan.
- Untuk mengambil bahagian dalam pemeriksaan JKPP dan bercakap secara bersendirian dengan pegawai.

4.3 **Hak untuk Menolak** apa-apa tugas yang pekerja tersebut ada asas yang munasabah untuk dipercayai tugas tersebut berbahaya kepada keselamatan dan kesihatan dirinya atau orang lain.

- Untuk bekerja di tempat yang semua risiko kepada kesihatan dan keselamatan terkawal.
- Untuk berhenti melakukan kerja dan meninggalkan tempat kerja jika pekerja mendapati dirinya berada dalam keadaan berbahaya (Rujuk Perkara 8.0).

4.4 **Hak untuk Mengemukakan Aduan** kepada JKKP jika anda masih ada kebimbangan berkaitan keselamatan dan kesihatan tetapi tidak didengari oleh majikan.

- Mengemukakan aduan kepada JKKP agar tempat kerja mereka diperiksa.
- Mengemukakan aduan kepada JKKP jika mereka telah dibalas atau didiskriminasi oleh majikan mereka akibat meminta pemeriksaan atau menggunakan mana-mana daripada hak lain mereka di bawah AKKP.
- Memfailkan aduan jika dihukum atau didiskriminasi kerana bertindak sebagai "pemberi maklumat" tentang isu KKP.

## 5.0 TANGGUNGJAWAB PEKERJA

- Menjaga keselamatan dan kesihatan diri sendiri dan orang yang mungkin terjejas dengan apa yang anda lakukan (atau tidak lakukan).
- Bekerjasama dengan orang lain tentang keselamatan dan kesihatan, dan tidak campur tangan dengan, atau salah guna, apa-apa yang disediakan untuk keselamatan, kesihatan atau kebajikan anda.
- Memakai atau menggunakan pada sepanjang masa apa-apa kelengkapan pelindung atau pakaian yang disediakan oleh majikan bagi tujuan mencegah risiko kepada keselamatan dan kesihatan.
- Mematuhi apa-apa arahan atau langkah berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang digariskan oleh majikan atau mana-mana orang lain atau di bawah AKKP 1994 atau mana-mana peraturan yang digubal di bawahnya.
- Mengikuti apa-apa arahan yang diterima semasa latihan dalam menggunakan apa-apa bahan kerja yang diberi oleh majikan kepada anda.

## 6.0 MAJIKAN PERLU MEMBERITAHU ANDA:

- Tentang risiko kepada keselamatan dan kesihatan daripada amalan kerja semasa atau yang dicadangkan.
- Tentang perkara-perkara atau perubahan yang mungkin memudaratkan atau menjejaskan keselamatan dan kesihatan.
- Cara melakukan kerja dengan selamat, bahasa yang boleh difahami, dan memberitahu tentang risiko kepada keselamatan dan kesihatan.
- Apa yang telah dilakukan untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja.
- Cara mendapatkan rawatan pertolongan cemas.
- Apa yang perlu dilakukan semasa kecemasan.
- Berapa banyak risiko akan dikawal dan siapa yang bertanggungjawab ke atasnya.
- Cara menghubungi dan bekerja dengan pekerja & wakil keselamatan dan kesihatan untuk melindungi setiap orang daripada mudarat di tempat kerja.
- Tentang bahaya melalui latihan, label, penggera, papan tanda, sistem kod warna, helaian maklumat bahan kimia (MSDS) dan kaedah lain.
- Tentang rekod yang disimpan bagi kecederaan dan penyakit berkaitan dengan kerja.
- Tentang ujian yang dilaksanakan di tempat kerja, seperti pensampelan udara, yang diperlukan oleh sesetengah piawaian KKP.
- Tentang pemeriksaan pendengaran atau ujian perubatan lain yang disediakan sebagaimana yang diperlukan oleh piawaian KKP.
- Tentang pelanggaran AKKP, data kecederaan dan penyakit di lokasi yang mudah dilihat oleh pekerja
- Tentang keperluan untuk memaklumi JKPP tentang kemalangan di tempat kerja dan kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan.

## 7.0 TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- Melaksanakan penjagaan munasabah untuk melindungi diri mereka dan orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan dan peninggalan mereka.
- Bekerjasama dengan jawatankuasa atau wakil keselamatan dan kesihatan tempat kerja.
- Bekerjasama dengan orang lain berhubung dengan hal ehwal keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.
- Sediakan, secara percuma:

- (a) Latihan untuk melakukan kerja dengan selamat.
- (b) Perlindungan dan kelengkapan di tempat kerja apabila perlu (seperti pakaian, kasut atau but, perlindungan mata dan telinga, sarung tangan, topeng, dan sebagainya).
- (c) Pemeriksaan kesihatan jika terdapat keadaan tidak sihat disebabkan oleh kerja.
- (d) Jika anda bekerja sendiri, anda bertanggungjawab menyediakan aturan pertolongan cemas, latihan, kelengkapan perlindungan dan pemeriksaan kesihatan anda sendiri, dan mengatur waktu kerja anda sendiri.
- (e) Tandas yang sesuai dan cukup, kemudahan mencuci dan air minuman.;
- (f) Kemudahan pertolongan cemas yang mencukupi.

## **8.0 SEKIRANYA ADA SITUASI BERBAHAYA DI TEMPAT KERJA**

- Jika anda percaya (Rujuk Perkara 4.1) keadaan kerja anda tidak selamat atau tidak sihat, anda hendaklah membawa keadaan itu kepada perhatian Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) atau majikan anda, jika boleh.
- Jika selepas memaklumi Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO), majikan atau wakilnya bahawa anda mempunyai justifikasi munasabah untuk mempercayai adanya bahaya serta merta kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja anda, anda mempunyai hak untuk menjauhkan diri anda dari bahaya tersebut atau aktiviti kerja jika majikan gagal mengambil apa-apa tindakan untuk menyingkirkan bahaya tersebut.
- Jika anda menjauhkan diri anda daripada bahaya menurut peruntukan di atas, anda hendaklah dilindungi daripada akibat tidak wajar dan tidak boleh didiskriminasi.

## **9.0 MAJIKAN HENDAKLAH MENYEDIAKAN DOKUMEN BERKAITAN TUGASAN**

- Undang-undang dan Perundangan Keselamatan dan Kesihatan: Apa yang anda patut tahu.
- Piawaian Keselamatan dan Kesihatan / Koda Amalan Industri.
- Brosur/buku panduan yang meliputi pelbagai bahaya kerja dan tajuk-tajuk lain yang berkaitan.
- Helaian Fakta dan Fakta Ringkas yang mengandungi maklumat latar belakang asas tentang bahaya keselamatan dan kesihatan;

- Dokumen panduan yang menyediakan penelitian terperinci bagi isu keselamatan dan kesihatan khusus;
- Halaman Tajuk Keselamatan dan Kesihatan Dalam Talian;
- Poster.

#### **10.0 APA YANG PATUT DILAKUKAN JIKA ANDA BIMBANG TENTANG KESIHATAN DAN KESELAMATAN ANDA**

Hubungi kami di:

Ibu Pejabat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Aras 4 (Kaunter Utama),  
Blok D3, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62530 Putrajaya  
(Telefon): 03 - 8000 8000  
(Faks.): 03 - 8889 2443  
(Emel): [jkkp@mohr.gov.my](mailto:jkkp@mohr.gov.my)  
(Kaunter Aras 3 ) [jkkpa3@mohr.gov.my](mailto:jkkpa3@mohr.gov.my)  
(Kaunter Aras 4 ) [jkkpa4@mohr.gov.my](mailto:jkkpa4@mohr.gov.my)  
(Laman Sesawang): [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)

Rujukan:

- i) *Garis Panduan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Guidelines on Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514)* (Publication JKPP GP (BI) 1/2006). Retrieved from <[http://www.dosh.gov.my/index.php?option=com\\_docman&task=doc\\_download&gid=598&Itemid=179&lang=en](http://www.dosh.gov.my/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=598&Itemid=179&lang=en)>.
- ii) *A guide for workers – HSE & TUC (Trade Union Congress) Your health, your safety: A guide for workers* (Leaflet HSE27 rev1). Retrieved from <[http://www.ucu.org.uk/media/pdf/q/e/hse\\_tuc\\_hsworkers.pdf](http://www.ucu.org.uk/media/pdf/q/e/hse_tuc_hsworkers.pdf)>.
- iii) *Workers Right – Occupational Safety & Health Administration Workers' Rights* (Publication OSHA 3021-09R 2014). Retrieved from <<https://www.osha.gov/Publications/osh3021.pdf>>.
- iv) *SAFE Work Manitoba. (2008). Worker Rights and Responsibilities (Bulletin 231)*. Retrieved from <<http://safemanitoba.com/bulletin-231>>.
- v) *Health and Safety Executive (United Kingdom). (2013). Your health, your safety: A brief guide for workers (Leaflet INDG450)*. Retrieved from <<http://www.hse.gov.uk/pubns/indg450.pdf>>.





# **Nota Hak Panduan Pekerja** *(English)*



## WORKERS RIGHT GUIDANCE NOTES UNDER THE OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH ACT 1994

### TABLE OF CONTENTS

1.0	PURPOSE	2
2.0	TERMS AND DEFINITION	2
3.0	LEGAL REQUIREMENTS	5
4.0	THE EMPLOYEES' RIGHTS	10
5.0	THE EMPLOYEES' RESPONSIBILITIES	11
6.0	YOUR EMPLOYERS' MUST TELL YOU:	12
7.0	THE EMPLOYERS' RESPONSIBILITIES	13
8.0	IF THERE IS A DANGEROUS SITUATION AT WORK	13
9.0	YOUR EMPLOYER SHOULD MAKE AVAILABLE RELATED DOCUMENTS WITH THE TASKS	14
10.0	WHAT TO DO IF YOU ARE CONCERNED ABOUT YOUR HEALTH AND SAFETY	14
11.0	REFERENCES	15

**Note:** This guidance note is ONLY to provide a general overview of worker rights under the Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA1994) (Act 514) and to assist the employee and employer in knowing their rights in order to provide safe workplaces for all. This guidance note is not legally binding with Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA 1994) or other legislation

## 1.0 PURPOSE

The purpose of this guidance note is to provide a general overview of worker rights in the occupational safety and health issues under the Occupational Safety and Health Act 1994 (OSHA 1994). This guidance note does not alter or determine compliance responsibilities which are set forth in OSHA 1994. It is prescribed under the OSHA (Act 514) for the employer to provide safe workplaces to their employees and other related person.

## 2.0 TERMS AND DEFINITION

If you are an employee (full- or part-time, temporary or permanent), this information explains what your rights are, what you should expect from your employer, what responsibilities you have and where to go for help. It also applies to you if you are a young person doing work experience (industrial training), an apprentice, mobile worker (delivery) or homemaker.

If you are a temporary, casual or agency worker, the employment business/agency, gang master, contractor or hirer you are working for has a legal duty to ensure you receive the rights set out here.

"employee" means a person who is employed for wages under a contract of service on or in connection with the work of an industry to which this Act applies and-

- (a) who is directly employed by the principal employer on any work of, or incidental or, preliminary to or connected with the work of, the industry, whether such work is done by the employee at the place of work or elsewhere;
- (b) who is employed by or through an immediate employer at the place of work of the industry or under the supervision of the principal employer or his agent on work which is ordinarily part of the work of the industry or which is preliminary to the work carried on in or incidental to the purpose of the industry; or
- (c) whose services are temporarily lent or let on hire to the principal employer by the person with whom the person whose services are so lent or let on hire has entered into a contract of service;

"employer" means the immediate employer or the principal employer or both;

"immediate employer", in relation to employees employed by or through him, means a person who has undertaken the execution at the place of work where the principal employer is carrying on his trade, business, profession, vocation, occupation or calling, or under the supervision of the principal employer or his agent, of the whole or any part of any work which is ordinarily part of the work of the trade, business, profession, vocation, occupation or calling

of the principal employer or is preliminary to the work carried on in, or incidental to the purpose of, any such trade, business, profession, vocation, occupation or calling, and includes a person by whom the services of an employee who has entered into a contract of service with him are temporarily lent or let on hire to the principal employer;

"occupier", in relation to a place of work, means a person who has the management or control of the place of work;

"place of work" means premises where persons work or premises used for the storage of plant or substance;

"plant" includes any machinery, equipment, appliance, implement or tool, any component thereof and anything fitted, connected or appurtenant thereto;

"practicable" means practicable having regard to-

- (a) the severity of the hazard or risk in question;
- (b) the state of knowledge about the hazard or risk and any way of removing or mitigating the hazard or risk;
- (c) the availability and suitability of ways to remove or mitigate the hazard or risk; and
- (d) the cost of removing or mitigating the hazard or risk;

"premises" include-

- (a) any land, building or part of any building;
- (b) any vehicle, vessel or aircraft;
- (c) any installation on land, offshore installation or other installation whether on the bed of or floating on any water; and
- (d) any tent or movable structure;

"principal employer" means the owner of an industry or the person with whom an employee has entered into a contract of service and includes-

- (a) a manager, agent or person responsible for the payment of salary or wages to an employee;
- (b) the occupier of a place of work;
- (c) the legal representative of a deceased owner or occupier; and
- (d) any government in Malaysia, department of any such government, local authority or statutory body;

"self-employed person" means an individual who works for gain or reward otherwise than under a contract of employment, whether or not he himself employs others;

For the purposes of this Guidance Note, risks arising out of the activities of persons at work shall be treated as including risks attributable to the manner of conducting an undertaking, the plant or substances used for the purposes of an undertaking and the condition of premises so used or any part of them.

For the purposes of this Guidance Note –

- (a) "work" means work as an employee or as a self-employed person;
- (b) an employee is deemed to be at work throughout the time when he is at his place of work but not otherwise; and
- (c) a self-employed person is at work throughout such time as he devotes to work as a self-employed person.

### 3.0 LEGAL REQUIREMENTS

#### **Section 15. General duties of employers and self-employed persons to their employees.**

(1) It shall be the duty of every employer and every self-employed person to ensure, so far as is practicable, the safety, health and welfare at work of all his employees.

(2) Without prejudice to the generality of subsection (1), the matters to which the duty extends include in particular-

- (a) the provision and maintenance of plant and systems of work that are, so far as is practicable, safe and without risks to health;
- (b) the making of arrangements for ensuring, so far as is practicable, safety and absence of risks to health in connection with the use or operation, handling, storage and transport of plant and substances;
- (c) the provision of such information, instruction, training and supervision as is necessary to ensure, so far as is practicable, the safety and health at work of his employees;
- (d) so far as is practicable, as regards any place of work under the control of the employer or self-employed person, the maintenance of it in a condition that is safe and without risks to health and the provision and maintenance of the means of access to and egress from it that are safe and without such risks;
- (e) the provision and maintenance of a working environment for his employees that is, so far as is practicable, safe, without risks to health, and adequate as regards facilities for their welfare at work.

(3) For the purposes of subsections (1) and (2)-

(a) "employee" includes an independent contractor engaged by an employer or a self-employed person and any employee of the independent contractor; and

(b) the duties of an employer or a self-employed person under subsections (1) and (2) extend to such an independent contractor and the independent contractor's employees in relation to matters over which the employer or self-employed person-

(i) has control, or

(ii) would have had control but for any agreement between the employer or self-employed person and the independent contractor to the contrary.

#### **Section 16. Duty to formulate safety and health policy.**

Except in such cases as may be prescribed, it shall be the duty of every employer and every self-employed person to prepare and as often as may be appropriate revise a written statement of his general policy with respect to the safety and health at work of his employees and the organization and arrangements for the time being in force for carrying out that policy, and to bring the statement and any revision of it to the notice of all of his employees.

#### **Section 17. General duties of employers and self-employed persons to persons other than their employees.**

(1) It shall be the duty of every employer and every self-employed person to conduct his undertaking in such a manner as to ensure, so far as is practicable, that he and other persons, not being his employees, who may be affected thereby are not thereby exposed to risks to their safety or health.

(2) It shall be the duty of every employer and every self-employed person, in the prescribed circumstances and in the prescribed manner, to give to persons, not being his employees, who may be affected by the manner in which he conducts his undertaking, the prescribed information on such aspects of the manner in which he conducts his undertaking as might affect their safety or health.

### **Section 18. Duties of an occupier of a place of work to persons other than his employees.**

(1) An occupier of non-domestic premises which has been made available to persons, not being his employees, as a place of work, or as a place where they may use a plant or substance provided for their use there, shall take such measures as are practicable to ensure that the premises, all means of access thereto and egress therefrom available for use by persons using the premises, and any plant or substance in the premises or provided for use there, is or are safe and without risks to health.

(2) A person who has, by virtue of a contract or lease or otherwise, an obligation of any extent in relation to -  
(a) the maintenance or repair of a place of work or any means of access thereto or egress therefrom; or  
(b) the prevention of risks to safety and health that may arise from the use of any plant or substance in the place of work,

shall for the purpose of subsection (1) be deemed to have control of the matters to which his obligation extends.

### **Section 24. General duties of employees at work.**

(1) It shall be the duty of every employee while at work-

(a) to take reasonable care for the safety and health of himself and of other persons who may be affected by his acts or omissions at work;

(b) to co-operate with his employer or any other person in the discharge of any duty or requirement imposed on the employer or that other person by this Act or any regulation made thereunder;

(c) to wear or use at all times any protective equipment or clothing provided by the employer for the purpose of preventing risks to his safety and health; and

(d) to comply with any instruction or measure on occupational safety and health instituted by his employer or any other person by or under this Act or any regulation made there under.

**Section 25. Duty not to interfere with or misuse things provided pursuant to certain provisions.**

A person who intentionally, recklessly or negligently interferes with or misuses anything provided or done in the interests of safety, health and welfare in pursuance of this Act shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or to both.

**Section 26. Duty not to charge employees for things done or provided.**

No employer shall levy or permit to be levied on any employee of his any charge in respect of anything done or provided in pursuance of this Act or any regulation made thereunder.

**Section 27. Discrimination against employee, etc.**

(1) No employer shall dismiss an employee, injure him in his employment, or alter his position to his detriment by reason only that the employee-

- (a) makes a complaint about a matter which he considers is not safe or is a risk to health;
- (b) is a member of a safety and health committee established pursuant to this Act; or
- (c) exercises any of his functions as a member of the safety and health committee.

(2) No trade union shall take any action on any of its members who, being an employee at a place of work-

- (a) makes a complaint about a matter which he considers is not safe or is a risk to health;
- (b) is a member of a safety and health committee established pursuant to this Act; or
- (c) exercises any of his functions as a member of the safety and health committee.

(3) An employer who, or a trade union which, contravenes the provisions of this section shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both.

(4) Notwithstanding any written law to the contrary, where a person is convicted of an offence under this section the Court may, in addition to imposing a penalty on the offender, make one or both of the following orders:

- (a) an order that the offender pays within a specific period to the person against whom the offender has discriminated such damages as it thinks fit to compensate that person;

(b) an order that the employee be reinstated or re-employed in his former position or, where that position is not available, in a similar position.

### **Section 30. Establishment of safety and health committee at place of work.**

(1) Every employer shall establish a safety and health committee at the place of work in accordance with this section if-

- (a) there are forty or more persons employed at the place of work; or
- (b) the Director General directs the establishment of such a committee at the place of work.

## **4.0 THE EMPLOYEES' RIGHTS**

4.1 **The Right to Know** about hazards in the workplace, and what precautions must be taken to prevent injuries or illness from these hazards.

- To receive information and training about hazards, material safety data sheet (MSDS), label and methods to prevent harm, and the OSHA standards that apply to their workplace. The training must be done in a language and vocabulary workers can understand.
- To review records of work-related injuries and illnesses that occurs in their workplace.
- To receive measure hazards in the workplace.
- To get their medical records.
- To be consulted on matters related to your safety and health at work;
- To inform your employer about safety and health issues or concerns.

4.2 **The Right to Participate** in safety and health activities at the workplace, including involvement in the joint workplace safety and health committee, or as a worker representative.

- To join a safety and health committee.
- To paid time off work for training.
- To participate in a DOSH inspection and speak in personally with the officer.

4.3 **The Right to Refuse** any task that the worker has reasonable grounds to believe is dangerous to his/her safety and health or the safety and health of other persons.

- To work in places where all the risks to your health and safety are properly controlled.
- To stop working and leave the area if you think you are in danger condition (Refer to Item 8.0).

4.4 **The Right to Complain** to DOSH if you still have health and safety concerns and not being heard by the employer.

- To complaint with DOSH to have their workplace inspected.
- To complaint with DOSH if they have been retaliated or discriminated against by their employer as the result of requesting an inspection or using any of their other rights under the OSHA 1994.
- File a complaint if punished or discriminated against for acting as a "whistleblower" on OSH issues.

## **5.0 THE EMPLOYEES' RESPONSIBILITIES**

- Take care of your own health and safety and that of people who may be affected by what you do (or do not do).
- Co-operate with others safety and health, and not interfere with, or misuse, anything provided for your health, safety or welfare.
- To wear or use at all times any protective equipment or clothing provided by the employer for the purpose of preventing risks to his safety and health.
- To comply with any instruction or measure on occupational safety and health instituted by the employer or any other person by or under OSHA 1994 or any regulation made thereunder.
- Follow the training you have received when using any work items your employer has given you.

## 6.0 YOUR EMPLOYERS' MUST TELL YOU:

- About risks to your safety and health from current or proposed working practices.
- About things or changes that may harm or affect your safety and health.
- How to do your job safely in a way, language and vocabulary that you can understand, and tell you about the risks to your safety and health from current or proposed working practices
- What is done to protect your safety and health.
- How to get first-aid treatment.
- What to do in an emergency.
- How any risks will be controlled and who is responsible for this.
- How to consult and work with safety and health representatives and employees to protect everyone from harm in the workplace;
- About hazards through training, labels, alarms, signage, color-coded systems, chemical information sheets and other methods.
- About accurate records being kept of work-related injuries and illnesses.
- About tests being performed in the workplace, such as air sampling, required by some OSHA standards.
- About hearing exams or other medical tests being provided as required by OSHA standards.
- About OSHA citations; and injury and illness data where workers can see them.
- About the requirement to notify DOSH of a workplace accident and dangerous occurrence, occupational poisoning and occupational disease.

## 7.0 THE EMPLOYERS' RESPONSIBILITIES

- Taking reasonable care to protect themselves and others who may be affected by their actions or omissions.
- Cooperating with the workplace safety and health committee or representative.
- Cooperating with other persons regarding workplace safety and health matters.
- Provide, free of charge:
  - (a) Training to do your job safely.
  - (b) Protection and equipment for you at work when necessary (such as clothing, shoes or boots, eye and ear protection, gloves, masks etc).
  - (c) Health checks if there is a danger of ill health because of your work.
  - (d) Regular health checks if you work nights and a check before you start. (Note: If you are genuinely self-employed you are responsible for providing your own first-aid arrangements, training, protective equipment and health checks, and for organizing your own working time.)
  - (e) Suitable and sufficient toilets, washing facilities and drinking water;
  - (f) Adequate first-aid facilities.

## 8.0 IF THERE IS A DANGEROUS SITUATION AT WORK

- If you believe (Refer to Item 4.1) your working conditions are unsafe or unhealthful, you shall bring the conditions to your SHO or employer's attention, if possible.
- If after informing the SHO, employer or his representatives that you have reasonable justification to believe there is an immediate danger to life and health in your place of work, you shall have the right to remove yourself from the danger or the work activity if the employer fails to take any action to remove the immediate danger.
- If you remove yourself from danger in accordance with the provisions above, you shall be protected against undue consequences and shall not be discriminated against.

## 9.0 YOUR EMPLOYER SHOULD MAKE AVAILABLE RELATED DOCUMENTS WITH THE TASKS

- Safety and Health Law and Legislation: What you should know.
- Safety and Health Standard / Industry Code of Practice.
- Brochures/booklets cover a wide variety of job hazards and other topics.
- Fact Sheets and QuickFacts contain basic background information on safety and health hazards;
- Guidance documents provide detailed examinations of specific safety and health issues;
- Online Safety and Health Topics Pages;
- Posters.

## 10.0 WHAT TO DO IF YOU ARE CONCERNED ABOUT YOUR HEALTH AND SAFETY

- Contact us at:

Department of Occupational Safety and Health Headquarters  
Level 4 (Main Counter),  
Block D3, Complex D,  
Federal Government Administrative Centre,  
62530 Putrajaya  
(Telephone): 03 - 8000 8000  
(Fax): 03 - 8889 2443  
(Email): [jkkp@mohr.gov.my](mailto:jkkp@mohr.gov.my)  
(Counter Level 3) [jkpa3@mohr.gov.my](mailto:jkpa3@mohr.gov.my)  
(Counter Level 4) [jkpa4@mohr.gov.my](mailto:jkpa4@mohr.gov.my)  
(Website): [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)

## REFERENCES

- i) Department of Occupational Safety and Health, Malaysia. (2006). *Guidelines on Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514)* (Publication JKPP GP (BI) 1/2006). Retrieved from <[http://www.dosh.gov.my/index.php?option=com\\_docman&task=doc\\_download&gid=598&Itemid=179&lang=en](http://www.dosh.gov.my/index.php?option=com_docman&task=doc_download&gid=598&Itemid=179&lang=en)>.
- ii) Health and Safety Executive (United Kingdom). (2004). *Your health, your safety: A guide for workers* (Leaflet HSE27 rev1). Retrieved from <[http://www.ucu.org.uk/media/pdf/qe/hse\\_tuc\\_hsworkers.pdf](http://www.ucu.org.uk/media/pdf/qe/hse_tuc_hsworkers.pdf)>.
- iii) U.S. Department of Labor, Occupational Safety and Health Administration. (2014). *Workers' Rights* (Publication OSHA 3021-09R 2014). Retrieved from <<https://www.osha.gov/Publications/osha3021.pdf>>.
- iv) SAFE Work Manitoba. (2008). *Worker Rights and Responsibilities* (Bulletin 231). Retrieved from <<http://safemanitoba.com/bulletin-231>>.
- v) Health and Safety Executive (United Kingdom). (2013). *Your health, your safety: A brief guide for workers* (Leaflet INDG450). Retrieved from <<http://www.hse.gov.uk/pubns/indg450.pdf>>.

